

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 3, 2020 2:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lebihkan Praktikal Daripada Teoretikal Dalam Modul Keusahawanan Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 FEBRUARI 2020 / 9 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Faridah Awang
Gambar oleh: CEDI

LEBIHKAN PRAKTIKAL DARIPADA TEORETIKAL DALAM MODUL KEUSAHAWANAN PELAJAR



UUM ONLINE: Pulau Pinang – Pensyarah universiti ini disarankan untuk mengutamakan praktikal berbanding teoretikal dalam melaksanakan program keusahawanan seperti ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pengarah Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, dalam tempoh 12 bulan ini, pensyarah yang terlibat harus menfokuskan praktikal di dalam modul keusahawanan yang akan dilaksanakan.

"KPM telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta kepada universiti melalui CEDI untuk melaksanakan program keusahawanan yang akan melibatkan pelajar menerusi empat

program iaitu *Future Learning Education Development* (FULED), Asnaf, *MyAgrosis*, *Utara Creativepreneur Incubator* (UCI) dan *Siswaprenuer*.

“Indeks Prestasi Utama (KPI) berkaitan keusahawanan pelajar yang ditetapkan oleh KPM ini akan menjadi KPI UUM bukannya KPI CEDI,” katanya pada Perasmian Bengkel Pembangunan dan Pengukuhan Modul Keusahawanan Program *MyAgrosis* dan *Utara Creativepreneur Incubator* (UCI) di Hotel Neo+, baru-baru ini.

Bengkel selama tiga hari mulai 28 Januari lalu itu disertai pensyarah dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) dan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM).

Dr. Chandrakantan berkata, KPM telah membahagikan fasa keusahawanan kepada beberapa fasa iaitu Fasa 1 (2010-2015) melibatkan pendedahan ilmu keusahawanan, Fasa 2 (2016-2020) melibatkan pemeraksanaan graduan dalam bidang keusahawanan dan fasa terakhir iaitu Fasa 3 melengkapkan pelajar dengan semua ilmu keusahawanan.

Menurutnya lagi, kelestarian hubungan baik di antara CEDI dan pusat-pusat pengajian merupakan satu signifikan bagi memastikan penyampaian ilmu keusahawanan dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada pelajar yang terlibat dalam program ini.

“Ini selaras dengan pandangan Timbalan Ketua Setiausaha, KPM, yang menekankan kepentingan melibatkan golongan Asnaf, B40 dan OKU dalam program keusahawanan di peringkat IPT.

“Kepentingan mewujudkan usahawan tulen dalam kalangan pelajar penting bagi memastikan KPI yang ditetapkan oleh KPM itu dapat dicapai oleh UUM,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.